



# NOTIS PRIVASI UBS UNTUK PELANGGAN ATAU PELABUR INSTITUSI/KORPORAT – MALAYSIA

## PERLINDUNGAN DATA DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“PDPA”)

UBS memandang serius privasi. Notis Privasi (“**Notis**”) ini mengandungi maklumat tentang apakah Data Peribadi yang dikumpulkan oleh UBS (“**UBS**”, “**kami**” atau “**kita**”), apakah yang kami lakukan dengan maklumat tersebut dan apakah hak Subjek Data.

“**Data Peribadi**” ialah apa-apa maklumat yang berkaitan dengan orang sebenar yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti (berbeza dengan entiti undang-undang), termasuklah maklumat tentang pekerja, pengarah, pegawai atau wakil individu lain (“**Subjek Data**”) yang mungkin kami kumpulkan semasa menjalin hubungan dengan pelanggan institusi/korporat UBS (“**anda**”).

Jika anda ialah pelanggan dan/atau pelabur institusi/korporat UBS, sila pastikan Subjek Data anda dimaklumkan tentang kandungan Notis ini dan menyerahkan satu salinan kepadanya sebelum berkongsi apa-apa Data Peribadi dengan UBS.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk melindungi Data Peribadi anda secara telus, kami ingin memaklumkan kepada anda secara telus:

- mengapa dan bagaimana UBS mengumpulkan, menggunakan dan menyimpan Data Peribadi Subjek Data anda;
- asas yang sah untuk pemprosesan Data Peribadi; dan
- apakah hak Subjek Data dan obligasi kami berkaitan dengan pemprosesan tersebut.

Jadual Kandungan	
1 Apakah yang terkandung dalam Notis ini?	6 Berapa lamakah kami menyimpan Data Peribadi?
2 Apakah jenis Data Peribadi yang kami kumpul?	7 Hak Subjek Data
3 Apakah tujuan kami memproses Data Peribadi dan apakah asas undang-undang yang menjadi sandaran?	8 Perubahan pada Data Peribadi
4 Bagaimanakah kami melindungi Data Peribadi?	9 Pengemaskinian Notis ini
5 Siapakah yang boleh mengakses kepada Data Peribadi dan dengan siapakah data ini dikongsi?	10 Senarai entiti UBS yang menggaji pekerja yang terkandung dalam Notis ini

### 1 Apakah yang terkandung dalam Notis ini?

Notis ini terpakai kepada apa-apa dan semua bentuk penggunaan Data Peribadi (“**pemprosesan**”) pekerja, pengarah, pegawai, pemegang saham, penasihat, ejen atau wakil individu lain bagi pelanggan dan pelabur korporat/institusi UBS di Malaysia.

## 2. Apakah jenis Data Peribadi yang kami kumpul?

Kami mengumpulkan dan memproses Data Peribadi berikut tentang Subjek Data:

- butiran peribadi seperti nama, nombor pengenalan, tarikh lahir, dokumen KYC (termasuk salinan kad pengenalan atau pasport negara anda);
- maklumat yang boleh dihubungi bagi perniagaan seperti nombor telefon, alamat fizikal dan elektronik;
- maklumat profesional seperti nama jawatan dan pengalaman kerja;
- butiran interaksi kami dengan Subjek Data;
- rekod panggilan telefon antara mana-mana Subjek Data dengan UBS;
- data rakaman suara dan komunikasi; dan
- setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, kami juga mengumpulkan maklumat peribadi yang sensitif, seperti data tentang kesalahan jenayah yang didakwa atau terbukti.

Kami menggunakan kuki dan teknologi penjejakan lain berkaitan dengan laman web UBS, sila rujuk juga Penggunaan Laman Web UBS dan Notis Kuki yang tersedia [di sini](#).

## 3. Apakah tujuan kami memproses Data Peribadi dan apakah asas undang undang yang menjadi sandaran?

### 3.1 Tujuan pemrosesan

Kami sentiasa memproses Data Peribadi untuk tujuan tertentu dan hanya memproses Data Peribadi yang berkaitan untuk mencapai tujuan tersebut. Secara khususnya, kami memproses Data Peribadi untuk tujuan berikut:

- a) Suai tugas Pelanggan:
  - untuk mengesahkan identiti Subjek Data dan menilai permohonan anda. Untuk semakan pematuhan undang-undang dan kawal selia (contohnya, untuk mematuhi peraturan anti-pengubahan wang haram dan mencegah penipuan), sila lihat Bahagian e) di bawah.
- b) Pengurusan Perhubungan Pelanggan:
  - untuk menguruskan perhubungan kami dengan anda, termasuklah berkomunikasi dengan anda berhubung dengan produk dan perkhidmatan yang anda peroleh daripada kami dan daripada rakan kongsi perniagaan kami serta mengendalikan pertanyaan dan aduan berkaitan perkhidmatan pelanggan;
  - untuk membantu kami mengetahui lebih lanjut tentang anda sebagai pelanggan, produk dan perkhidmatan yang anda terima, serta produk dan perkhidmatan lain yang mungkin anda berminat untuk mendapatkannya.
- c) Pelaksanaan produk:
  - untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda dan memastikan pelaksanaannya adalah betul, contohnya dengan memastikan kami dapat mengenal pasti Subjek Data dan membuat bayaran ke dan dari akaun anda mengikut arahan anda dan syarat produk;

- untuk melaksanakan penajaan jamin.
- d) Melibatkan diri dalam mencari prospek dan pembangunan perniagaan dan/atau melindungi dan meningkatkan jenama UBS
- untuk menilai sama ada dan bagaimana UBS boleh menawarkan produk, perkhidmatan dan acara yang mungkin menarik minat anda;
  - untuk menghubungi Subjek Data anda bagi tujuan pemasaran langsung tentang produk dan perkhidmatan yang pada pendapat kami akan menarik minat, termasuklah yang ditawarkan oleh kami, entiti Kumpulan UBS, dan rakan kongsi perniagaan kami yang lain, dan memudahkan pertandingan dan promosi.
- e) Pematuhan dan Pengurusan Risiko dan/atau Pencegahan, Pengesanan dan Siasatan Jenayah:
- untuk menjalankan pemeriksaan pematuhan undang-undang dan kawal selia ke atas Subjek Data anda sebagai sebahagian daripada proses suai tugas, termasuklah mematuhi peraturan anti-pengubahan wang haram dan pencegahan penipuan;
  - untuk memenuhi obligasi kawal selia dan pematuhan berterusan kami (contohnya; undang-undang sektor kewangan, undang-undang anti-pengubahan wang haram dan cukai), termasuklah berkaitan dengan komunikasi rakaman dan pemantauan, menggunakan pengelasan risiko terhadap perhubungan perniagaan yang berterusan, pendedahan kepada pihak berkuasa cukai, pengawal selia perkhidmatan kewangan dan badan kawal selia, kehakiman dan kerajaan yang lain atau dalam prosiding dan siasatan atau pencegahan jenayah;
  - untuk menerima dan mengendalikan aduan, permintaan atau laporan daripada anda atau pihak ketiga yang dibuat kepada unit yang ditetapkan dalam UBS atau Kumpulan UBS;
  - untuk menjawab apa-apa prosiding, permintaan atau pertanyaan sebenar atau berpotensi pihak berkuasa awam atau kehakiman;
  - untuk mencegah dan mengesan jenayah, termasuklah penipuan atau aktiviti jenayah, penyalahgunaan produk atau perkhidmatan kami serta keselamatan sistem, seni bina dan rangkaian teknologi maklumat (IT kami).
- f) Menyokong, Meningkatkan dan Mengekalkan teknologi UBS:
- untuk mengambil langkah menambah baik produk dan perkhidmatan kami serta penggunaan teknologi kami, termasuklah ujian dan peningkatan sistem dan proses, dan menjalankan penyelidikan pasaran untuk memahami cara menambah baik produk dan perkhidmatan sedia ada kami atau mempelajari tentang produk dan perkhidmatan lain yang boleh kami sediakan;
  - untuk menganalisis hasil aktiviti pemasaran kami bagi mengukur keberkesanan dan kerelevanan kempen kami.
- g) Tujuan lain:
- untuk pengurusan operasi berhemat Kumpulan UBS (termasuklah pengurusan kredit dan risiko, perkhidmatan sokongan teknologi, pelaporan, insurans, audit, latihan sistem dan produk dan tujuan pentadbiran);
  - untuk membolehkan pemindahan, penggabungan atau pelupusan kepada bakal pembeli, penerima pindahan, rakan kongsi penggabungan atau penjual dan penasihat mereka berkaitan dengan pemindahan, penggabungan atau pelupusan sebenar atau berpotensi sebahagian atau keseluruhan perniagaan atau aset UBS, atau apa-apa hak atau kepentingan

yang berkaitan, atau untuk memperoleh perniagaan atau mengikat penggabungan dengannya;

- untuk mengumpulkan data bagi memastikan keselamatan bangunan, keselamatan kakitangan dan pelawat, serta harta benda dan maklumat yang terletak, disimpan di atau yang boleh diakses dari premis, untuk mencegah, dan jika perlu, menyiasat akses yang tidak dibenarkan ke premis yang selamat (contohnya; menyimpan log akses bangunan dan imej sistem kamera litar tertutup (CCTV) untuk mencegah, mengesan dan menyiasat kecurian kelengkapan atau aset milik UBS, pelawat atau kakitangan, atau ancaman kepada keselamatan kakitangan yang bekerja di pejabat);
- untuk menjalankan analisis transaksi dan statistik, dan penyelidikan berkaitan; atau
- untuk melaksanakan tugas dan/atau hak kami berkaitan dengan anda atau pihak ketiga.

Kami menggunakan kaedah automatik (termasuklah kecerdasan buatan) dan manual untuk memproses Data Peribadi anda bagi tujuan ini. Kaedah automatik kami selalunya berkaitan dengan dan disokong oleh kaedah manual kami. Sebagai contoh, sistem kecerdasan buatan kami (contohnya; Microsoft 365 Copilot) boleh menganalisis data anda untuk mengenal pasti corak dan arah aliran, yang biasanya disemak dan ditafsirkan secara manual oleh manusia.

### **3.2 Asas undang-undang untuk pemprosesan**

Bergantung pada tujuan aktiviti pemprosesan (lihat bahagian 3.1 di atas), pemprosesan Data Peribadi anda adalah salah satu daripada yang berikut:

- diperlukan untuk melaksanakan kontrak dengan anda, yang pemprosesannya dilakukan atas permintaan anda, atau untuk melaksanakan obligasi kami di bawah kontrak tersebut, contohnya, apabila kami menggunakan Data Peribadi untuk beberapa tujuan dalam Bahagian 3.1 a), b) dan g), serta pendedahan data tertentu yang diterangkan dalam Bahagian 5;
- dikehendaki untuk memenuhi obligasi undang-undang atau kawal selia kami, seperti pemeriksaan dan pendedahan kepada pihak berkuasa, pengawal selia dan badan kerajaan yang dirujuk dalam bahagian 3.1 e);
- dalam keadaan terbatas, dan seperti yang mungkin diminta daripada Subjek Data dari semasa ke semasa, kami telah memperoleh kebenaran terlebih dahulu (contohnya, jika dikehendaki oleh undang-undang) atau diproses dengan kebenaran khusus Subjek Data dalam kes maklumat peribadi yang sensitif seperti maklumat perubatan.

Kegagalan memberi kami Data Peribadi yang perlu kami kumpulkan untuk memenuhi obligasi undang-undang atau kawal selia kami mungkin menyebabkan kami tidak dapat melakukan suai tugas anda sebagai pelanggan atau menyediakan produk atau perkhidmatan kepada anda (dalam hal ini kami akan memaklumkan kepada sewajarnya).

Selagi kami memproses apa-apa maklumat peribadi sensitif yang berkaitan dengan anda, kami akan melakukannya kerana:

- pemprosesan tersebut adalah perlu:
  - o untuk memulakan, melaksanakan atau membuat pembelaan terhadap tuntutan undang-undang;
  - o untuk tujuan, atau berkaitan dengan, apa-apa prosiding undang-undang;
  - o untuk tujuan mendapatkan nasihat undang-undang;
  - o untuk menjalankan apa-apa fungsi yang diberi kepada mana-mana orang melalui atau di bawah apa-apa undang-undang bertulis .



- Anda telah memberi kami kebenaran khusus untuk memproses maklumat tersebut (yang dibenarkan di sisi undang-undang).

#### **4. Bagaimanakah kami melindungi Data Peribadi?**

Semua pekerja UBS yang mengakses Data Peribadi mestilah mematuhi peraturan dan proses dalaman kami yang berkaitan dengan pemrosesan Data Peribadi untuk melindungi data tersebut dan memastikan kerahsiaannya. Kami juga telah melaksanakan langkah teknikal dan organisasi yang mencukupi untuk melindungi Data Peribadi daripada kemusnahan, kehilangan, pengubahan, penyalahgunaan, pendedahan atau akses yang tidak dibenarkan, tidak disengajakan atau menyalahi undang-undang dan daripada semua bentuk pemrosesan lain yang menyalahi undang-undang.

#### **5. Siapakah yang boleh mengakses kepada Data Peribadi dan dengan siapakah data ini dikongsi?**

##### **5.1 Dalam Kumpulan UBS**

Kami biasanya berkongsi Data Peribadi dengan syarikat Kumpulan UBS yang lain, untuk tujuan yang dinyatakan dalam bahagian 3.1, untuk memastikan standard perkhidmatan yang tinggi secara konsisten di seluruh kumpulan kami, dan untuk menyediakan perkhidmatan dan produk kepada anda. Syarikat lain dalam Kumpulan UBS boleh memproses Data Peribadi anda bagi pihak dan atas permintaan UBS.

##### **5.2 Di luar UBS dan Kumpulan UBS**

###### **5.2.1 Pihak Ketiga**

Kami berkongsi Data Peribadi dengan institusi perkhidmatan kredit dan kewangan lain, institusi yang sebanding dan kepada penasihat dan perunding profesional kami untuk menjalin perhubungan perniagaan dengan anda. Secara khususnya, apabila menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, kami akan berkongsi data peribadi dengan orang yang bertindak bagi pihak anda atau dengan cara lain terlibat (bergantung pada jenis produk atau perkhidmatan yang anda terima daripada kami), termasuklah, jika berkaitan jenis syarikat berikut:

- pihak yang memperoleh kepentingan dalam, atau menanggung risiko dalam atau berkaitan dengan, urus niaga (seperti penanggung insurans);
- pengeluar sekuriti (termasuklah pihak ketiga yang dilantik oleh mereka) yang anda mempunyai kepentingan, apabila sekuriti tersebut dipegang oleh bank pihak ketiga untuk anda;
- penerima bayaran, benefisiari, penama akaun, pengantara, bank wakil dan ejen (termasuk bank penyimpan);
- pusat penjelasan, dan sistem penjelasan atau penyelesaian dan syarikat atau institusi pembayaran khusus seperti SWIFT;
- rakan niaga pasaran, ejen pegangan hulu, repositori swap atau perdagangan, bursa saham;
- institusi kewangan lain, agensi rujukan kredit atau biro kredit (untuk tujuan mendapatkan atau menyediakan rujukan kredit);
- mana-mana broker pengenalan yang kepadanya kami berikan pengenalan atau rujukan; dan

- peguam, juruaudit, akauntan dan penanggung insurans yang menyediakan perkhidmatan undang-undang, audit, perundingan, perakaunan atau insurans kepada kami.

### **5.2.2 Penyedia Perkhidmatan**

Dalam sesetengah keadaan, kami juga berkongsi Data Peribadi dengan pembekal kami, yang terikat secara kontrak dengan kerahsiaan, seperti penyedia perkakasan IT, perisian dan penyedia khidmat luaran, logistik, mel, kurier, perkhidmatan percetakan dan penyimpanan, penyedia pemasaran dan komunikasi, syarikat pengurusan kemudahan, penyedia perkhidmatan data pasaran, penyedia pengurusan pengangkutan dan perjalanan dan lain-lain. Apabila kami berbuat demikian, kami mengambil langkah untuk memastikan mereka memenuhi piawaian keselamatan data kami, supaya data peribadi anda kekal selamat.

Apabila UBS memindahkan data anda kepada penyedia perkhidmatan yang memproses data bagi pihak UBS, kami mengambil langkah untuk memastikan mereka memenuhi piawaian keselamatan data kami, supaya Data Peribadi anda kekal selamat. Penyedia perkhidmatan pihak ketiga dengan itu diberi mandat untuk mematuhi senarai langkah keselamatan teknikal dan organisasi, tanpa mengambil kira lokasi mereka, termasuklah langkah yang berkaitan dengan: (i) pengurusan keselamatan maklumat; (ii) penilaian risiko keselamatan maklumat dan (iii) langkah keselamatan maklumat (contohnya; kawalan fizikal; kawalan akses logik; perisian hasad dan perlindungan penggodaman; langkah penyulitan data; langkah pengurusan sandaran dan pemulihan).

### **5.2.3 Pihak berkuasa awam dan kawal selia**

Jika diperlukan dari semasa ke semasa, kami mendedahkan Data Peribadi kepada pihak berkuasa awam, pengawal selia atau badan kerajaan, atau mahkamah atau pihak dalam prosiding, yang kami dikehendaki mendedahkan maklumat mengikut undang-undang atau peraturan yang terpakai, di bawah kod amalan atau tatalaku, atas permintaan mereka, atau untuk melindungi kepentingan sah kami.

### **5.2.4 Lain-lain:**

- Bakal pembeli, penerima pindahan, rakan kongsi penggabungan atau penjual dan penasihat mereka berkaitan dengan pemindahan atau penggabungan sebenar atau berpotensi sebahagian atau keseluruhan perniagaan atau aset UBS, atau apa-apa hak atau kepentingan yang berkaitan, atau untuk memperoleh perniagaan atau mengikat penggabungan dengannya;
- Mana-mana penerima sah yang dikehendaki mengikut undang-undang atau peraturan yang terpakai.

## **5.3 Pemindahan data ke negara lain**

Data Peribadi yang dipindahkan di dalam, atau di luar UBS dan Kumpulan UBS seperti yang dinyatakan dalam bahagian 5.1 dan 5.2, dalam beberapa kes juga diproses di negara lain. Kami hanya memindahkan Data Peribadi ke luar negara ke negara yang dianggap menyediakan tahap perlindungan data yang mencukupi, atau jika tiada perundangan tersebut yang menjamin perlindungan yang mencukupi, berdasarkan salah satu syarat berikut:

- pemindahan dilakukan berdasarkan perlindungan yang sesuai termasuklah hak yang boleh dikuatkuasakan dan remedi undang-undang yang berkesan untuk subjek data;
- Subjek Data telah memberikan kebenaran khusus untuk pemindahan tersebut selepas dimaklumkan tentang risiko;
- pemindahan adalah perlu untuk melaksanakan kontrak antara anda dengan kami atau untuk melaksanakan langkah prakontrak yang diambil atas permintaan anda;



- pemindahan adalah perlu untuk mematuhi obligasi undang-undang;
- pemindahan adalah perlu untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan kepentingan awam yang utama.

Subjek Data boleh meminta maklumat tambahan dalam hal ini dan mendapatkan salinan perlindungan yang berkaitan dengan menghubungi Pejabat Perlindungan Data Kumpulan di [dpo-apac@ubs.com](mailto:dpo-apac@ubs.com).

Senarai negara di mana UBS dan Kumpulan UBS beroperasi boleh didapati di <https://www.ubs.com/global/en/our-firm/locations.html>.

## 6. Berapa lamakah kami menyimpan Data Peribadi?

Kami akan hanya menyimpan Data Peribadi selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan data itu dikumpul atau untuk mematuhi keperluan dasar undang-undang, kawal selia atau dasar dalaman. Untuk membantu kami melakukannya, kami menggunakan kriteria bagi menentukan tempoh yang sesuai untuk menyimpan Data Peribadi anda bergantung pada tujuannya.

Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi anda adalah pelanggan kami untuk membolehkan kami menyediakan perkhidmatan kepada anda dan memenuhi keperluan kawal selia kami, seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini.

Sebaik sahaja hubungan kami dengan anda tamat (contohnya, selepas akaun anda ditutup atau setelah urusan niaga dijalankan seperti pembayaran, permohonan anda untuk produk ditolak, atau anda memutuskan untuk tidak meneruskan permohonan), kami akan hanya menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang sesuai, yang dalam banyak kes adalah sehingga 10 tahun selepas akaun anda ditutup atau selepas urusan niaga dijalankan seperti pembayaran. Tempoh kami menyimpan maklumat sering dikaitkan dengan jumlah masa yang tersedia untuk memulakan tuntutan undang-undang, yang diperlukan mengikut undang-undang atau peraturan, atau untuk pematuhan dan pengurusan risiko.

Kami akan menyimpan data peribadi anda selepas tempoh ini jika kami perlu berbuat demikian mengikut undang-undang, jika terdapat tuntutan atau aduan sedia ada yang secara munasabah menghendaki kami menyimpan maklumat anda, atau atas sebab kawal selia. Jika kami perlu menyimpan maklumat anda untuk tempoh yang lebih lama, kami akan terus melindungi maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, jika anda ingin Data Peribadi anda dikeluarkan daripada pangkalan data kami, anda boleh membuat permohonan seperti yang diterangkan di bawah, yang akan kami semak seperti yang dinyatakan di dalamnya.

## 7. Hak Subjek Data

### 7.1 Hak Subjek Data

Subjek Data anda berhak mengakses dan mendapatkan maklumat berhubung dengan Data Peribadi mereka yang kami proses dan salinannya. Jika Subjek Data percaya bahawa apa-apa maklumat yang kami pegang tentang mereka tidak betul atau tidak lengkap, mereka juga boleh memohon untuk membetulkan Data Peribadi mereka.

Subjek Data juga berhak:

- menarik balik kebenaran setelah UBS memperoleh kebenaran mereka untuk memproses Data Peribadi (menarik balik kebenaran ini tidak akan menjejaskan kesahihan apa-apa pemprosesan yang berlaku sebelum penarikan balik tersebut);
- mengakses dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan Data Peribadi anda yang kami proses;
- memohon untuk membetulkan Data Peribadi anda



Dalam sesetengah keadaan, jika dikehendaki oleh undang-undang, Subjek Data mungkin berhak meminta Data Peribadi mereka dipindahkan dalam format yang boleh dibaca atau boleh digunakan secara umumnya kepada diri mereka sendiri atau kepada pengawal lain, dengan syarat ia boleh dilaksanakan secara teknikal (hak 'kemudahan data').

Apabila Data Peribadi diproses untuk tujuan pemasaran langsung, hak Subjek Data untuk membantah diperluas kepada pemasaran langsung, termasuklah pemprofilan setakat berkaitan dengan pemasaran tersebut. Subjek Data boleh membantah pemasaran langsung dengan mengklik pautan "nyahlanggan" dalam mana-mana e-mel kami, atau dengan menghantar e-mel kepada kami di alamat yang dinyatakan dalam bahagian 7.2 pada bila-bila masa.

UBS akan memenuhi permohonan, penarikan balik atau bantahan tersebut seperti yang dikehendaki di bawah peraturan perlindungan data yang terpakai tetapi hak ini tidak mutlak: hak ini tidak selalunya terpakai dan pengecualian mungkin berlaku. Kami biasanya, sebagai tindak balas kepada permohonan tersebut, meminta anda mengesahkan identiti anda dan/atau memberikan maklumat yang membantu kami memahami permohonan anda dengan lebih baik. Jika kami tidak dapat memenuhi permohonan anda, kami akan menerangkan sebabnya.

## 7.2 Melaksanakan hak

Untuk melaksanakan hak di atas, sila hantar e-mel ke:

[sh-ibdiso@ubs.com](mailto:sh-ibdiso@ubs.com) jika anda pelanggan UBS;

[SH-HR-DATA-REQUESTS-SNOW@ubs.com](mailto:SH-HR-DATA-REQUESTS-SNOW@ubs.com) jika anda bekas pekerja atau calon.

Jika Subjek Data tidak berpuas hati dengan cara UBS memproses DHRata Peribadi mereka, sila maklumkan kepada kami dan kami akan menyiasat perkara tersebut. Sila kemukakan apa-apa persoalan dengan menghubungi Pejabat Perlindungan Data Kumpulan di [dpo-apac@ubs.com](mailto:dpo-apac@ubs.com). Jika mana-mana Subjek Data menganggap bahawa kami tidak mematuhi apa-apa peruntukan di bawah PDPA, mereka berhak membuat aduan kepada Jawatankuasa Perlindungan Data Peribadi.

## 8. Perubahan pada Data Peribadi

Kami komited untuk memastikan Data Peribadi adalah tepat dan terkini. Oleh itu, jika Data Peribadi Subjek Data berubah, sila maklumkan kepada kami tentang perubahan itu secepat mungkin.

## 9. Pengemaskinian Notis ini

Notis ini telah dikemas kini pada Oktober 2024. Kami berhak memindanya dari semasa ke semasa. Apa-apa pindaan atau pengemaskinian Notis ini akan kami sediakan untuk anda [di sini](#). Sentiasa layari laman web UBS untuk mengetahui Notis terkini, kerana syarat dalam Notis ini berkait rapat dengan anda.

## 10. Senarai entiti UBS yang terkandung dalam Notis ini:

Nama Entiti	Alamat Berdaftar
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	Tingkat 10, Wisma Hamzah Kwong Hing, No.1 Leboh Ampang, Kuala Lumpur, 50100, Malaysia

Jika anda mempunyai apa-apa persoalan atau komen tentang Notis ini, sila hubungi Pejabat Perlindungan Data Kumpulan di [dpo-apac@ubs.com](mailto:dpo-apac@ubs.com). Maklumat Pegawai Perlindungan Data Kumpulan yang boleh dihubungi terdapat [di sini](#).